

UCAPAN

**YBHG. DATUK WAN SELAMAH
BINTI WAN SULAIMAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**SEMPENA PERHIMPUNAN BULAN MAC 2013
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PADA 7 MAC 2013**

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih pengacara majlis dan saudara pembaca doa. Semoga doa kita pada pagi ini dimakbulkan oleh Allah s.w.t. Terima kasih juga kepada kumpulan koir di atas dendangan lagu sebentar tadi.

YBhg. Dato' Rosini binti Abd Samad, TAN (K), YBrs. Puan Hawazain binti Shaari, TAN (O), Pengarah-Pengarah Bahagian, Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan, dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan seluruh warga Jabatan Akauntan Negara yang saya hormati dan kasihi sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan selamat pagi.

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan rahmat, izin dan kurniaNya, kita dapat berkumpul sekali lagi pada pagi ini dalam perhimpunan bulan Mac tahun 2013.

Tuan-tuan dan puan sekalian,

PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

Saya mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah siap disediakan dengan jayanya pada 27 Februari 2013 dan telah disempurnakan penyerahannya kepada Ketua Audit Negara pada 28 Februari 2013.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih serta penghargaan kepada semua pegawai dan anggota JANM yang terlibat dalam penyediaan PKKP 2012 ini.

Segala usaha dan kerja keras tuan/puan dalam memastikan PKKP 2012 disediakan dalam masa yang ditetapkan amatlah saya hargai. Semoga semangat dan prestasi begini dikekalkan pada masa akan datang dan semoga kita akan mendapat Sijil Audit Bersih untuk PKKP 2012, InsyaAllah.

LAPORAN PENILAIAN PRESTASI (LPP) 2012

Berkenaan Laporan Penilaian Prestasi (LPP) 2012, penilaian LPP sepatutnya telah pun diselesaikan pada 28 Februari yang lalu. Walau bagaimanapun, hanya 62.8 peratus sahaja yang telah selesai membuat penilaian. Oleh itu, suka saya menyeru kepada yang belum menyelesaikan LPP diminta menyegerakan tindakan tersebut melalui HRMIS sebelum 15 Mac 2013. Saya amat berharap agar tuan/puan semua memberikan perhatian dan kerjasama serius dalam hal ini.

Untuk makluman tuan/puan, penyediaan PKKP dan pelaksanaan HRMIS yang dimaklumkan tadi adalah antara KPI Jabatan yang perlu dicapai.

PORTAL KNOWLEDGE MANAGEMENT (KM) JANM

Sukacita saya ingin mengumumkan bahawa portal Knowledge Management (Portal KM) JANM telah ditambahbaik bagi memudahkan semua warga JANM melayarinya bagi mendapatkan bahan penulisan yang ditulis oleh warga JANM. Warga JANM hanya perlu menggunakan nama pengguna dan kata laluan yang sama seperti e-mel Jabatan untuk log masuk ke portal ini.

Diharapkan portal KM ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga JANM bagi meningkatkan pengetahuan masing-masing.

RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB)

Perkara seterusnya adalah berkaitan AKRAB. AKRAB bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan membimbing bagi membantu rakan sekerja dalam usaha meningkatkan potensi dan kecemerlangan diri.

Selaras dengan itu, satu Jawatankuasa telah ditubuhkan di peringkat JANM bermula pada tahun 2013 dan sehingga kini, JANM mempunyai lebih kurang 40 orang ahli AKRAB yang terdiri daripada pegawai di Bahagian dan juga JANM Negeri/Cawangan. Ahli-ahli AKRAB ini sentiasa bersedia dan terbuka untuk berkongsi pengalaman dan ilmu demi menyokong perubahan diri individu ke arah yang lebih baik. Silalah layari portal rasmi JANM bagi mendapatkan maklumat berkaitan AKRAB dan juga ahlinya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

MAJLIS PERDANA PERKHIDMATAN AWAM KETIGA BELAS (MAPPA) pada 11 Mac 2013

Pada 11 Mac 2013 (Isnin) pula, akan diadakan Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ketiga Belas (MAPPA XIII) bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dengan tema “**Transformasi Perkhidmatan Awam, Merealisasikan Wawasan 2020**”.

MAPPA merupakan acara tahunan di mana YAB Perdana Menteri akan menyampaikan amanat kepada anggota perkhidmatan awam dari pelbagai perkhidmatan di peringkat persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Majlis kali ini dijangka akan melibatkan kehadiran seramai 10,000 anggota perkhidmatan awam dari seluruh Malaysia dan tidak ketinggalan, wakil JANM juga akan turut sama menghadiri majlis ini.

Saya difahamkan majlis ini akan turut disiarkan secara langsung menerusi saluran RTM. Justeru, bagi mereka yang tidak hadir dan jika ada kelapangan masa, bolehlah menonton majlis tersebut secara langsung di kaca televisyen.

1 MILLION WOMEN PURPLE WALK PADA 17 MAC 2013

Pada 17 Mac 2013 (Ahad), akan diadakan acara jalan kaki, iaitu *1 Million Women Purple Walk* anjuran Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat . *Acara ini bakal* menghimpunkan sejuta wanita, di jalankan secara serentak di seluruh Negara dan akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia di Dataran Putrajaya. Program ini juga adalah selaras dengan Majlis Pelancaran 1Malaysia Komuniti Perwani. Selain acara jalan kaki, pihak sekretariat juga akan memberi penerangan kepada masyarakat mengenai peranan serta sumbangan 1Malaysia Komuniti Perwani terhadap pembangunan sosio-ekonomi Negara.

Dengan itu, saya mengalu-alukan penyertaan daripada wanita warga JANM terutama yang tinggal di sekitar Putrajaya untuk bersama-sama memeriahkan acara tersebut.

INSIDEN PENCEROBOHAN DI LAHAD DATU, SABAH

Pada masa ini kita dikejutkan dengan berita pencerobohan di Lahad Datu, Sabah. Peristiwa yang berlaku ini telah menyebabkan ada anggota keselamatan kita yang terkorban. Kita berasa amat sedih di atas kejadian ini dan ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga anggota yang terkorban dan marilah sama-sama kita sedekahkan Al-Fatihah kepada mereka. Al-Fatihah.

Bersama-samalah kita mendoakan keselamatan dan kesejahteraan anggota keselamatan negara yang bertugas dan penduduk sekitar kawasan terbabit, juga kepada seluruh kakitangan serta keluarga pejabat JANM yang berdekatan dengan kawasan pencerobohan antaranya Pejabat JANM Cawangan Tawau dan Sandakan yang kini sedang berada dalam situasi berjaga-jaga ekoran kejadian tersebut.

Saya juga berharap kepada sesiapa yang mempunyai ahli keluarga yang diarah bertugas menjaga keselamatan di Lahad Datu, agar bersabar dan berdoa semoga segalanya berakhir dengan baik dan semoga mereka pulang ke pangkuan keluarga dengan selamat.

Suka saya juga mengingatkan kepada semua, sebagai seorang penjawat awam agar mendapatkan maklumat yang tepat melalui saluran media yang betul dan tidak membuat sebarang spekulasi terhadap kejadian yang berlaku.

PENUTUP

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin berpesan kepada warga JANM agar berusaha meningkatkan prestasi kerja pada tahun 2013 ini dan sentiasa berazam untuk memajukan diri dan kerjaya tuan/puan.

Saya berharap tuan/puan berusaha bersungguh-sungguh dalam menjalankan tugas untuk mencapai KPI tuan/puan dengan cemerlang. Ini adalah kerana setelah kita berusaha bersungguh-sungguh dan mencipta kejayaan, di situlah kepuasan kerja akan dapat dirasai dan perasaan tersebut akan kita ingat sampai bila-bila.

Sekian, wabillahitaufik, walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.